



15 JUL, 2022

## Lulusan kejuruteraan `lari bidang` pilih tanam timun

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# Lulusan kejuruteraan 'lari bidang' pilih tanam timun

Oleh NOR AINNA HAMZAH  
utusannews@mediamulla.com.my

**TAMPIN:** Seorang lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Biosistem) dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mahu menjadikan bidang pertanian sebagai sumber pendapatannya sekeluarga, biarpun terpaksa 'lari bidang'.

Menamatkan pengajian pada 2018, Rabiatul Adawiyah Nordin, 30, tidak mahu berterusan menunggu tawaran peluang pekerjaan yang 'sepertutnya' menjanjikan gaji lebih lumayan.

Malah jelasnya, sokongan suami, Ikmal Safiqraz Abdullah, 30, menguatkan semangat untuk mengusahakan tanaman timun di tanah seluas kurang satu ekar di Felda Pasir Besar, Gemas di sini.

Menurutnya, projek tanaman timun itu diceburi hasil bantuan modal ditawarkan agensi kerajaan melalui Program Agropreneur Muda dan tanah yang dimohon daripada pihak Felda.

"Kami usahakan tanaman ini dua tahun lalu dan berdepan cabaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta pasaran jualan tidak menentu.

"Namun saya dan suami tidak patah semangat dan te-



**RABIATUL Adawiyah Nordin menuai hasil tanaman timun yang diusahakannya di Felda Pasir Besar, Gemas, Tampin. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH**

rus mengusahakannya. Sehingga penghujung Jun lalu, kami sudah menuai hasil timun lebih lima tan serta pasarnya dibantu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Jelasnya, sebelum ini, dia mengusahakan tanaman cili

fertigasi, namun kerana kurang pengalaman, projek itu tidak mengeluarkan hasil diharapkan.

"Kami kemudian pilih projek timun menggunakan teknik fertigasi gantung. Ia lebih fleksibel untuk mengutip hasil tanpa perlu membongkok serta tanaman juga tidak terganggu

dengan rumput.

"Alhamdulillah, kini kami memperoleh pendapatan agak baik, tetapi, lebih penting kami dapat membantu meningkatkan hasil pertanian dalam negara," katanya yang turut menyarankan lulusan universiti melihat bidang pertanian sebagai satu pilihan kerjaya.



15 JUL, 2022

## Lulusan kejuruteraan `lari bidang` pilih tanam timun

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

TAMPIN: Seorang lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Biosistem) dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mahu menjadikan bidang pertanian sebagai sumber pendapatannya sekeluarga, biarpun terpaksa 'lari bidang'. Menamatkan pengajian pada 2018, Rabiatul Adawiyah Nordin, 30", tidak mahu berterusan menunggu tawaran peluang pekerjaan yang 'sepatutnya' menjanjikan gaji lebih lumayan. Malah jelasnya, sokongan suami, Ikmal Safiqraz Abdullah, 30, menguatkan semangat untuk mengusahakan tanaman timun di tanah seluas kurang satu ekar di Felda Pasir Besar, Gemas di sini.